

## UMS Pemacu Ketamadunan Intelektualisme

Terakhir dikemaskini: Khamis, 28 November 2019 15:26 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 37

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



AHAD, 24

**NOVEMBER** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan tempat pengajian yang menjadi penanda aras dalam ketamadunan intelektualisme mahasiswa sekali gus pembekal sumber manusia yang berkualiti untuk negara dan bangsa.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS merupakan tanda aras ketamadunan intelektualisme iaitu di mana para pelajar mempelajari tentang budaya, menghayati ilmu, mencanai minda dan mewarisi sebuah tamadun bangsa.

“24 November 2019 genaplah usia 25 tahun penubuhan UMS dan pelbagai pengalaman sama ada pahit atau manis yang menggembirakan namun berkat komitmen tidak berbelah bahagi daripada warga UMS universiti ini kekal teguh berdiri hingga ke hari ini.

“Sejajar dengan motto keramat UMS iaitu “Bertekad Cemerlang” yang bererti tekad inilah para pelajar UMS mampu merealisasikan dengan beberapa kecemerlangan yang selama ini ingin dikecapi,” katanya dalam ucapan pada sidang kedua Majlis Konvokesyen UMS ke-21 yang berlangsung di Dewan Canselor, UMS, kelmarin.

Datuk Taufiq Yap menambah, UMS merupakan universiti yang unggul dengan membudayakan kecemerlangan bukan sahaja dari segi kurikulum, bahkan lebih cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan.

“Ini dibuktikan dengan pencapaian UMS mendapatkan kedudukan 801-1000 universiti terbaik di dunia oleh Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings dan pencapaian ini merupakan kejayaan buat seluruh warga UMS.

“Pencapaian daripada para penyelidik UMS turut menyerlah dalam pertandingan penyelidikan peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun ini seperti Pertandingan dan Ekspos Ciptaan Institusi Pengajaran Tinggi

(PECIPTA 2019), UMS telah memenangi lima pingat Emas, lima pingat Perak, dan dua pingat Gangsa,” kata Datuk Taufiq Yap.

Pada sidang kedua Majlis Konvokesyen UMS, Datuk Taufiq Yap menyampaikan skrol ijazah kepada 820 graduan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

*(Artikel disediakan oleh Al Hidayah Awang, Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi FKSW)*